

KATA-KATA ALUAN PRESIDEN MBBY MBBY PRESIDENT'S FOREWORD

Assalamualaikum w.b.t.

Saya rasa belum terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baru 2011 kerana ini adalah keluaran buletin yang pertama bagi tahun ini. Saya percaya pada tahun 2011, MBBY akan lebih aktif kerana banyak program dan aktiviti telah dirancang untuk dilaksanakan.

Sebelum saya sentuh lebih lanjut tentang kegiatan MBBY bagi tahun 2011, saya ingin imbas kembali program-program yang telah berlalu dalam tahun 2010. Buletin dalam talian MBBY telah diterbitkan pada tahun ini dengan inisiatif oleh Profesor Dr. Md. Sidin Ahmad Ishak bersama-sama ahli editorialnya.

Pada tahun 2010 juga peristiwa besar turut dilancarkan. Pesta Buku Kanak-kanak Kuala Lumpur (KLCBF) yang merupakan hasrat yang telah lama ingin dilaksanakan oleh MBBY akhirnya berjaya direalisasikan. Pada 23 Disember 2010 yang lalu, pesta buku ini telah dilancarkan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Lebih daripada 180 gerai telah dibuka dan mendapat sambutan baik daripada pengunjung. Sebagai usaha pertama, kejayaan yang dicapai amat membanggakan. Ucapan tahniah disampaikan kepada MBKM sebagai pendokong kepada program ini dan sekalung tahniah juga kepada pengurus acara atas usaha gigih mengaturkan pesta buku ini.

Satu lagi program yang dilancarkan pada tahun 2010 ialah Tabung Krisis MBBY untuk Kanak-kanak atau *MBBY Children in Crisis Fund*. Tabung ini dilancarkan oleh Malaysia ekoran tertubuhnya tabung yang sama oleh IBBY di peringkat antarabangsa bagi membantu kanak-kanak yang terlibat dalam krisis sama ada disebabkan bencana alam, peperangan, mahupun

► Lihat halaman 2

Penasihat/Advisors:

YBhg. Datin Paduka Hajah Shahaneem Hanoum
Encik Ahmad Redza Ahmad Khairuddin

Ketua Editor/Chief Editor:

Md Sidin Ahmad Ishak

Editor:

Siti Ezaleila Mustafa

Pembantu Editor/Assistant Editor:

Rosidah Ismail, Anita Mohd Jali, Fadli Abdullah

Penerbit/Publisher:

Majlis Buku Kanak-Kanak & Remaja Malaysia
Malaysian Board on Books for Young Children
(MBBY)

Perpustakaan Cawangan Taman Tun Dr. Ismail,
Jalan Athinahapan, Taman Tun Dr. Ismail,
60000 Kuala Lumpur.

Tel : 03-7726 6310 / 7725 9466

Faks : 03-7726 7629

Web : www.mbby.net

◀ dari halaman 1

lain-lain. Sebagai permulaan, MBBY telah mengenal pasti beberapa perpustakaan desa di Perlis dan Kedah yang buku-buku atau bahan bacaannya mengalami kerosakan akibat banjir yang teruk.

Selain itu, beberapa program lain yang dijalankan sepanjang tahun 2010 termasuklah sambutan Hari Buku Kanak-kanak Sedunia, Persidangan Antarabangsa Buku Kanak-kanak 2010, dan Peraduan Mengarang Novel Remaja MBBY-Pelangi.

Pada tahun 2011 ini, program dan aktiviti MBBY akan digiatkan lagi. Pesta Buku Kanak-kanak akan terus diadakan dengan harapan lebih ramai lagi penerbit akan mengambil bahagian dalam memperkembang bahan bacaan untuk golongan muda kita. Beberapa seminar dan bengkel berkaitan buku dan penerbitan akan terus diadakan. Begitu juga Peraduan Mengarang Novel MBBY-Pelangi dan sambutan Hari Buku Kanak-kanak Sedunia akan diteruskan.

MBBY akan cuba melancarkan *roadshow* dengan kerjasama perpustakaan negeri untuk memperkenalkan dan meluaskan aktiviti MBBY ke semua negeri di Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak. Semasa *roadshow* ini, akan diadakan pameran buku, ceramah, sesi bercerita dan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada ahli Majlis Tertinggi MBBY atas usaha mereka menjayakan program-program sepanjang tahun 2010.

Saya juga berterima kasih, terutamanya kepada Encik Ahmad Redza Khairuddin, Timbalan Presiden kerana memegang sebahagian besar teraju MBBY pada tahun 2010, iaitu semasa saya uzur dan terpaksa melalui rawatan rapi kerana kanser.

Insya-Allah, kini saya beransur pulih dan akan cuba terus menjalankan tugas dengan sebaik mungkin.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Encik Ahmad Redza kerana beliau telah dipilih sebagai Presiden IBBY. Ini adalah satu kebanggaan kepada Malaysia.

Saya berharap tahun 2011 akan membawa banyak lagi kemajuan kepada MBBY, insya-Allah.

Datin Paduka Shahaneem Hanoum

Presiden MBBY



Antara aktiviti yang diadakan oleh MBBY sepanjang tahun 2010

8

7

6

5

4

3

2

1

PESTA BUKU KANAK-KANAK KUALA LUMPUR 2010 KUALA LUMPUR CHILDREN'S BOOK FAIR 2010

PESTA Buku Kanak-kanak Kuala Lumpur 2010 (KLCBF) yang julung-julung kali diadakan di negara ini merupakan satu inovasi dalam membentuk suatu segmen baharu untuk memperkukuh penerbitan dan pasaran bagi bahan bacaan yang diperlukan oleh kanak-kanak dan remaja.

KLCBF ini telah dirasmikan pada 23 Disember 2010 oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Datuk Ghafar Mahmood yang mewakili Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia, Datuk Ir. Dr Wea Ka Siong.

KLCBF yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran dengan kerjasama Majlis Buku Kanak-kanak dan Remaja (MBBY) merupakan sebahagian daripada strategi memperkuat galakan membaca dalam kalangan kanak-kanak dan remaja.

Sebanyak 180 gerai disediakan sepanjang pesta lima hari bermula dari 22 Disember hingga 26 Disember 2010. KLCBF ini, walaupun pertama kali diadakan, sambutan yang diterima adalah amat memberangsangkan.

Berbagai-bagai aktiviti sampingan diadakan untuk kanak-kanak dan remaja sebagai daya penarik bagi memperkukuh minat membaca. Antara aktiviti yang telah diadakan ialah sesi "animal petting" oleh Zoo Negara, pelancaran siri buku remaja oleh MBBY, Petrosains Mini Discovery Centre, pertandingan yoyo, pertandingan "speedcubing", demonstrasi kraf 3D, persembahan kebudayaan oleh kanak-kanak tadika, sesi bertemu penulis, bercerita dan banyak lagi. Bengkel Ilustrasi dan Papan Cerita untuk Animasi turut diadakan oleh MBBY dengan kerjasama Jabatan Pengajian Media dan Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya bagi menyokong Pesta Buku Kanak-kanak ini.

KLCBF 2010 berlangsung dengan dengan jayanya dengan adanya kerjasama dari semua pihak terutamanya, Majlis Buku Kebangsaan Malaysia, MBBY, dan juga penaja utama, iaitu MRC Junior dan rakan acara yang terdiri dari Zoo Negara dan Petrosains. ► AMJ



Antara aktiviti yang diadakan di gerai penerbit yang mengambil bahagian dalam KLCBF



Dewan Tun Abdul Razak 3 yang menempatkan 180 gerai sempena KLCBF

8

7

6

5

4

3

2

1

BENGKEL ILUSTRASI DAN PAPAN CERITA UNTUK ANIMASI WORKSHOP ON ILLUSTRATION AND STORYBOARD FOR ANIMATION

BENGKEL Ilustrasi dan Papan Cerita Untuk Animasi telah diadakan pada 22 Disember 2010 yang lalu sebagai salah satu acara sempena Pesta Buku Kanak-Kanak Kuala Lumpur 2010.

Bengkel ini dianjurkan oleh Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial dengan kerjasama Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya, Persatuan Animasi Malaysia (ANIMAS), Majlis Buku Kanak-Kanak dan Remaja Malaysia (MBBY), dan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM).

Bengkel yang dijalankan di Dewan Kulian A, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya ini telah disertai lebih daripada 30 orang peserta yang terdiri daripada pelajar dan pensyarah institut pengajian tinggi.

Bengkel ini dikendalikan oleh tiga fasilitator daripada ANIMAS yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang animasi di Malaysia, iaitu En. Kamn Ismail (Presiden ANIMAS), En. Azhar Saad dan En. Shamsaimun Izil.

Dalam bengkel ini, kesemua peserta didedahkan dengan proses pembikinan papan cerita untuk animasi yang merangkumi kaedah penerokaan teknik penghasilan sesebuah cerita yang menarik, teknik melakar dan juga teknik penghasilan lukisan latar belakang yang berkesan, terutamanya dari segi perspektif dan mod cerita.

Bagi memberi pemahaman yang lebih mendalam, peserta telah diberi tugas berkumpulan untuk menghasilkan papan cerita mengikut kreativiti masing-masing dan pada akhir bengkel, sesi pembentangan tugas telah dijalankan dengan setiap tugas diulas oleh Presiden ANIMAS, En. Kamn Ismail.



Pembentangan tugas oleh peserta.

Setiap peserta menerima sijil penyertaan dan cenderamata daripada pihak penganjur dan sijil penyertaan telah disampaikan oleh pengerusi bengkel, Profesor Dr. Md Sidin Ahmad Ishak. ► FA



Peserta dan fasilitator yang terlibat dalam Bengkel Ilustrasi dan Papan Cerita untuk Animasi.

8

7

6

5

4

3

2

1

TABUNG KRISIS MBBY UNTUK KANAK-KANAK MBBY CHILDREN IN CRISIS FUND

MAJLIS Buku Kanak-kanak dan Remaja Malaysia (MBBY) telah mewujudkan Tabung Krisis MBBY untuk Kanak-kanak dalam usaha menawarkan bantuan kepada kanak-kanak yang menghadapi malapetaka dalam kehidupan mereka seperti bencana alam, peperangan atau kemunduran di samping memenuhi matlamat MBBY untuk memperjuangkan Hak Menjadi Pembaca bagi kanak-kanak.

MBBY akan memilih komuniti tertentu untuk diberi bantuan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan dan ia melibatkan pembinaan pusat pembacaan, program biblioterapi, program sumbangan buku dan peralatan perpustakaan, serta program-program lain yang berkaitan.

Antara penerima sumbangan Tabung ini ialah Perpustakaan Awam Negeri Kedah dan Perpustakaan Awam Negeri Perlis yang telah dilanda banjir. Sumbangan yang berupa 170 judul buku diserahkan kepada wakil kedua-dua negeri, iaitu Puan Normah Darus, Pengarah Perpustakaan Awam Negeri Perlis sempena Majlis Perasmian Pesta Buku Kanak-kanak Kuala Lumpur yang berlangsung di PWTC pada 23 Disember 2010.

Individu, organisasi dan institusi yang ingin memberikan sumbangan boleh menyalurkannya ke MBBY melalui akaun berikut: 3132226416 (Public Bank). ► *AMJ*

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERADUAN MENGARANG NOVEL REMAJA MBBY-PELANGI MBBY-PELANGI TEENAGER'S NOVEL WRITING CONTEST AWARD CEREMONY



Pemenang bersama Dr Amidah Abdulhamid.

SEMPENA Pesta Buku Kanak-kanak Kuala Lumpur 2010, diumumkan keputusan Peraduan Mengarang Novel Remaja MBBY-Pelangi yang diadakan pada 23 Disember 2010, di Bilik Johor-Kedah, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.

Sebanyak lima karya telah dipilih untuk menerima Hadiah Penghargaan setelah melalui proses penilaian oleh Panel Penilai yang diketuai oleh Dr Amidah Abdulhamid yang dilantik oleh MBBY.

Karya-karya tersebut ialah *Gugurnya Kuntum Sena* (Siti Suhaidawati Sohib), *Kasih di Tiga Ufuk* (Rohaidah Daud), *Hijrah Carl* (Nuroll Shazlinda Hairull), *Kundai* (Radzemah Bolhassan), dan *Lembayung Cinta* (Enche Abdullah Abdul Kadir)

Setiap karya telah diterbitkan oleh Pelangi Novel Sdn Bhd sebagai Siri Novel Remaja Pelangi dan penulisnya menerima wang tunai sebanyak RM1500 masing-masing.

Majlis Penyampaian Hadiah kepada pemenang disempurnakan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Datuk Ghafar Mahmood yang mewakili Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia, Datuk Ir. Dr Wea Ka Siong.

Peraduan Mengarang Novel MBBY-Pelangi ini telah dianjurkan pada 15 November 2009 oleh MBBY dengan kerjasama Penerbitan Pelangi sebagai penaja. Sehingga tarikh akhir penyertaan pada 30 Mac yang lalu sebanyak 13 buah karya daripada 11 orang peserta telah diterima oleh pihak urus setia. ► *SEM*

8

7

6

5

4

3

2

1

ENCELAH: PERADUAN MENGARANG NOVEL REMAJA MBBY-PELANGI MAMPU MELAHIRKAN BAKAT BAHARU

PRESS RELEASE: MBBY ANNOUNCES ENA NOVEL WINNER



Encelah, salah seorang pemenang Pertandingan Mengarang Novel Remaja MBBY-Pelangi.

BAGI sesiapa yang menyertai mana-mana pertandingan, kemenangan merupakan sesuatu yang pasti diimpikan.

Begitu juga dengan Ence Abdullah Abdul Kadir atau lebih dikenali dengan nama penanya sebagai Encelah, penulis *Lembayung Cinta* yang merupakan salah sebuah karya yang terpilih sebagai pemenang Peraduan Mengarang Novel Remaja MBBY-Pelangi yang telah dianjurkan tahun lalu oleh Majlis Buku Kanak-kanak dan Remaja Malaysua dengan kerjasama Penerbitan Pelangi.

Encelah yang berasal dari Kota Bharu, Kelantan kini bertugas di Unit Penerbitan, Institut Terjemahan Negara Malaysia. Sebelum ini, beliau pernah berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai Penolong Pegawai Seni Reka dan menjadi ilustrator untuk buku kanak-kanak DBP.

Encelah yang sempat diwawancara menyatakan bahawa beliau sangat gembira apabila karyanya diumumkan sebagai salah satu pemenang peraduan itu setelah menunggu beberapa bulan sebelum dihubungi oleh pihak urus setia peraduan tentang keputusan itu. Beliau sebenarnya tidak meletakkan harapan yang tinggi kerana ia merupakan percubaan pertama beliau menyertai pertandingan menulis novel.

Walaupun menghadapi kekangan pada awal proses menulis kerana perlu memenuhi segala syarat pertandingan, beliau hanya mengambil masa lebih kurang seminggu untuk merangka cerita, plot, dan watak sebelum benar-benar menulis. Karya ini disiapkan dalam tempoh dua bulan sebelum mengetahui bahawa tarikh tutup peraduan dilanjutkan kemudiannya.

Bagi beliau, Peraduan Mengarang Novel Remaja MBBY-Pelangi ini merupakan sesuatu yang sangat baik kerana ia dapat melahirkan penulis baharu di samping menambahkan bahan bacaan yang bermutu untuk golongan remaja. Tambahnya, dengan adanya peraduan ini mungkin dapat membuka mata penulis yang sedia ada bahawa terdapat ruang dalam penghasilan karya remaja yang berumur antara 13-18 tahun.

Ini kerana pasaran buku untuk usia akhir remaja dan dewasa sangat banyak, berbanding untuk awal remaja tidak begitu banyak. Ini akhirnya menyebabkan remaja yang masih bersekolah beralih kepada bahan bacaan yang lebih dewasa kurang sesuai dengan usia mereka kerana kebanyakannya bertemakan percintaan. Remaja, baginya, perlu dihidangkan dengan kisah-kisah sepadan dengan usia mereka, iaitu mengenai kehidupan remaja, kisah keluarga dan pelajaran, persahabatan dan sebagainya.

Oleh itu, Encelah berpendapat bahawa peraduan ini amat wajar diteruskan dan diadakan setiap tahun kerana baginya, pasti ada karya yang betul-betul baik yang akan terhasil daripada pertandingan ini yang akhirnya mungkin dapat dijadikan teks kepada pelajar sekolah menengah. ►

SEM



Lembayung Cinta, karya Encelah, merupakan salah sebuah karya yang telah diterbitkan oleh Pelangi Novel Sdn Bhd.

BERITA IBBY IBBY NEWS

International Children's Book Day

This thought provoking poster for International Children's Book Day 2011 comes from Estonia, with a beautiful design by Jüri Mildeberg (aka Jüri Mildebergius). The theme is "The Book Remembers".

IBBY Australia has A3 sized posters available for a cost of \$7 for members, \$8 for non-members, plus \$8 postage and handling fee. For bulk orders the charges

are \$35 for 6 posters, and \$50 for 10 posters plus \$8 for postage and handling. Send cheque made out to IBBY Australia, or use direct deposit. Let us know if you require an invoice for your school or library.

Email your request to robin.morrow@wordsandphrases.com.au and be sure to include an address for posting. Send cheque to IBBY Australia, PO Box 329, Beecroft NSW 2119; OR direct deposit WITH YOUR NAME and Poster to IBBY Australia, Westpac Bank BSB 035-002 account number 18 1992.

Congratulations To Patsy Aldana

Patsy Aldana, recently retired from her 4 year term of office as President of the International Board on Books for Young People, was appointed a member of the Order of Canada for a lifetime of outstanding achievement, dedication to the community and service to the nation. The announcement was on 30th December, 2010, and Patsy was also named as the 2011 recipient of the Ontario Library Association's Les Fowlie Intellectual Freedom Award. This excerpt from the Jan 3, 2011 edition of the Globe and Mail outlines Patsy's beliefs in the importance of reading:

Adults sometimes forget what reading means to children... Reading is a window into oneself and others. Reading is a bulwark of democracy. And we don't do enough to nurture our children's love of reading. Each

child should have access to books that are right for him or her...[Reading] talks to you about who you are, or it tells you something about who the other is... and it's essential to becoming a free person in a democratic society. If you become a reader, you have a chance to become a critical thinker, to be a person who has some power over your life.

[See www.papertigers.org/wordpress for more information]

33rd IBBY World Congress 2012 London, UK

The Congress will be held from the 23rd – 26th August, 2012. Do check out the congress website at www.ibbycongress2012.org and download the flyer with its wonderful illustration by Anthony Browne. The theme is "Crossing Boundaries: Translations and Migrations." The Congress will be held at the Imperial College London in South Kensington, the cultural heartland of London. The Royal Albert Hall, the Natural History Museum, the Victoria and Albert Museum and Hyde Park are just a short walk away from the Congress venue. We look forward to seeing you there.

Further attractions include London 2012 Arts Festival, the finale of the cultural Olympiad in the UK- from midsummer to September when the para-olympics start.

2011 Outstanding Books For Young People With Disabilities

A number of titles were submitted by the Australian Section and Heidi Cortner Boisen of the IBBY Documentation Centre of Books for Disabled Young People has confirmed that four Australian titles were chosen. They are *I've Got a Feeling* by Stephanie Owen Reeder, pub National Library of Australia; *White Crane* (book I of Samurai Kids series) by Sandy Fussell, illus Rhian Nest James, pub Walker Books Australia; *My Silent World* by Nette Hilton and Vincent Agostino, pub Lothian, Hachette Australia and *The Glasshouse* by Paul Collins, illus Jo Thompson, pub Ford Street Publishing.

8

7

6

5

4

3

2

1

BERITA PESTA BUKU KANAK-KANAK BOLOGNA BOLOGNA CHILDREN'S BOOK FAIR NEWS

Announcement of the 2011 Astrid Lindgren Memorial Award

The announcement of the recipient of the 2011 Astrid Lindgren Memorial Award – the world's largest prize for children's and young adult literature – will be held on March 29th. The recipient will be announced by the chairman of the ALMA-jury in Vimmerby, Sweden, and broadcasted live to the Bologna Children's Book Fair. The programme starts at 12.40 CET at the Illustrators Cafè.

175 candidates from 62 countries are nominated to the 2011 Astrid Lindgren Memorial Award. Authors, illustrators, oral storytellers and those active in reading promotion may be rewarded. The award, which amounts to approx. 470,000 EUR, is awarded annually to a single recipient or to several.

BolognaRagazzi Award

The Jury of the BolognaRagazzi Award has made its choice. The Jury composed of Eric Baker, Nathalie Beau and Antonio Faeti has selected the most remarkable works to be awarded with this prestigious prize.

The winners are as follows:

- Fiction Section: *Éditions Milan-Fables*, Toulouse, France
- Non-Fiction Section: *Changbi Publishers-A House Of The Mind: MAUM*; Paju, Republic of Korea
- New Horizons Section-*Cosac Naify-Mil-folhas - história ilustrada do doce*; São Paulo, Brazil
- Opera Prima Section-*Éditions MeMo-Monsieur cent têtes*; Nantes, France,

Mentions have been also awarded to *Éditions Thierry Magnier* - Paris, France; *Walker Books* - London, United Kingdom; *Dwie Siostry* - Warsaw, Poland; *SigongJunior* - Seoul, Republic of Korea; *Petra Ediciones* - Zapopan, México; *La Joie De Lire* - Geneva, Switzerland; *Muchomor* - Warsaw, Poland and *Gimpel Verlag* - Hannover, Germany.

The World of Storytelling is Changing: TOCBologna arrives March 27th, 2011

The first ever TOCBologna has been scheduled on March 27th, the day before the opening of the Bologna Children's Book Fair.

With the ever-changing children's book world, publishers now have exciting new markets and digital formats to publish in. TOCBologna will be the premier event for professionals and companies looking to explore and shape the future of publishing.

TOCBologna sets out to bring a whole mixture of professionals together for the first time to discuss and share the ideas and events around digital books that are changing before our eyes.

TOCBologna features a full day programme, including presentations, case studies, round table panels and a special digital story telling stand: registration is now open!

Bologna Licensing Trade Fair

More than 45 confirmed exhibitors from Italy and abroad, over 1000 square meters of exhibition area, hundreds of properties and brands represented, workshops, presentations, focus on distribution and European markets: discover the complete programme of the second edition of Bologna Licensing Trade Fair!

It is now possible to register for the workshops organized in cooperation with Licensing Italia, scheduled from 28th through 30th March at the Workshop Room (Hall 31).

We will look at the problem of counterfeiting with Price Waterhouse Coopers, at market research by CRA, and also export strategies for made in Italy with Lamborghini ArtiMarca and style guides produced by Warm Up.

Registration is free, but there is only a limited number of seats.

8

7

6

5

4

3

2

1